

**Bekas Setiausaha Agung PBS Minta Presiden KDM M'sia Fahami Prosedur BN
Bernama
21Feb 2014**

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Malaysia (KDM Malaysia) Datuk Peter Anthony perlu mempunyai ilmu mengenai prosedur Barisan Nasional (BN) sebelum memohon menjadi anggota dalam komponen itu.

Bekas Setiausaha Agung Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Henrynus Amin berkata badan bukan kerajaan (NGO) itu yang melahirkan hasrat menjadi parti politik memerlukan persetujuan semua parti komponen dalam BN sebelum permohonan menjadi anggota BN dipertimbangkan.

"BN bekerja dan membuat keputusan berdasarkan konsensus, jika satu daripada parti komponen BN tidak bersetuju (permohonan parti baharu menjadi anggota BN), ia boleh menyekat pemohon itu daripada menjadi anggota kelab eksekutif BN.

"Kita lihat dari sini, melainkan, piagam BN telah berubah, KDM Malaysia perlu mendapat kebenaran bukan sahaja dari PBS malah juga dari UPKO (Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut), PBRS (Parti Bersatu Rakyat Sabah), LDP (Parti Liberal Demokratik) dan semua komponen parti politik BN," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Henrynus juga berkata Peter tidak layak untuk mengkritik Timbalan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, yang juga Presiden PBS berhubung hasrat KDM Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada BN, sambil menambah kenyataan Pairin adalah adil dan selari dengan prosedur dan ia berkaitan dengan BN.

Pairin menyatakan PBS tidak akan menyokong permohonan KDM Malaysia untuk menyertai BN yang menyebabkan Peter memberikan maklum bahawa pertubuhannya tidak memerlukan keizinan daripada veteran politik itu bagi memenuhi hasratnya.

Henrynus juga menampar Peter atas kenyataan berbaur rasis Peter kerana semata-mata memenuhi cita-cita politiknya dengan menyindir kekurangan dalam masyarakat KDM dan membandingkan mereka dengan kaum lain.

"Jika Peter benar-benar menyayangi masyarakat KDM, beliau sepatutnya membiarkan KDM Malaysia sebagai sebuah NGO atau berjuang sebagai sebuah parti politik secara sendirian (di luar BN),.

"Jika tidak, motif Peter untuk mengubah KDM Malaysia menjadi sebuah parti politik dan permohonan untuk menyertai Umno akan disalahertikan," katanya.

Semalam, Peter berkata beliau tidak nampak kenapa masyarakat KDM tidak dapat mengikuti contoh peniaga warga Pakistan yang berniaga kain dari rumah ke rumah sebelum dapat menjadi peniaga berjaya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016526>